

**TEKS UCAPAN
TUAN YANG DIPERTUA
SEMPENA
PERHIMPUNAN KORPORAT
10 DISEMBER 2014 (RABU), JAM 8.45 PAGI**

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Pertamanya, syukur ke hadrat Ilahi kena dengan limpah kurnia-Nya dapatlah kita berkumpul pada pagi ini bagi Perhimpunan Korporat yang terakhir untuk tahun 2014. Terima kasih kepada Ahli Majlis - Ahli Majlis

yang telah banyak beri kerjasama serta cadangan penambahbaikan untuk perkhidmatan MPSP.

Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan maklum, Pelan Strategik Lima Tahun MPSP bagi tahun 2014 - 2018 telah dilancarkan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng pada 9 Januari 2014 bersamaan dengan Hari Angkat Sumpah Ahli Majlis 2014. Pelan Strategik 5 tahun yang dirangka bagi tahun 2014 hingga tahun 2018 adalah:

1. Kebersihan
2. Keselamatan dan Lalulintas
3. Penguatkuasaan Undang-undang
4. Kawalan Banjir
5. Pengindahan, Kehijauan dan Kemudahan Awam
6. Penglibatan Komuniti
7. Pembinaan Kapasiti
8. Pengukuhan Fiskal
9. Kecekapan Proses Kerja

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, pencapaian keseluruhan Fokus MPSP 2014 adalah 97.24 % (sehingga November 2014)

Terdapat lima Jawatankuasa Tetap yang ditubuhkan adalah seperti berikut:

1. Jawatankuasa Pentadbiran Dan Kewangan

- Untuk menambahbaik pentadbiran dan pengukuhan kewangan Majlis
- Untuk meningkatkan hasil dan mengurangkan kos

2. Jawatankuasa Pelesenan Dan Penguatkuasaan

- Penggubalan dasar-dasar berkaitan pelesenan dan penguatkuasaan undang-undang
- Merancang dan melaksanakan usaha-usaha untuk penambahbaikan pertumbuhan ekonomi setempat dengan merancang peruntukan yang sewajar melalui penguatkuasaan undang-undang.

3. Jawatankuasa Lalulintas Dan Infrastruktur

- Menggubal dasar-dasar berkaitan lalulintas dan infrastruktur

4. Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan Dan Pengindahan

- Mengubal dasar-dasar dan garis panduan yang berkaitan dengan perancangan, kebersihan dan pengindahan.

- Dalam aspek perancangan, MPSP telah menyediakan garis panduan baru sepanjang tahun 2014 iaitu:
 - a) GP permohonan binaan tambahan
 - b) GP SOHO
 - c) GP Eco-City Batu kawan
 - d) GP Pusat Jualan Kereta Terpakai
 - e) GP Pembangunan Projek Akuakultur
 - f) ORT SPU /SPT
 - g) GP Pindaan Tadika Perumahan Baru
- Manakala bagi aspek pengindahan, sebanyak 7251 pokok teduhan telah ditanam sehingga September 2014 termasuk Projek Smart Partnership (CSR Project)
- Merancang mengindahkan kawasan lapang / taman dan *round about*

5. Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)

- Menimbang dan membuat keputusan terhadap permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan dan pelan-pelan lain yang berkaitan.

**PERBANDINGAN BAGI TEMPOH MASA YANG SAMA JAN – OKT
TAHUN 2014 & 2013**

JENIS PERMOHONAN	BILANGAN PERMOHONAN DITERIMA	
	1 JAN-31 OKT 2013	1 JAN-31 OKT 2014
Permohonan Serentak	58	63
Kebenaran Merancang	196	289
Pelan Landskap	72	67
Pelan Kejuruteraan	539	596
Pelan Bangunan	372	504
Jumlah	1237	1519

- Secara perbandingan permohonan yang diterima bagi tempoh tersebut pada tahun 2014 menunjukkan lebihan sebanyak 282 (22.79%) permohonan berbanding tahun 2013.

Pentadbiran

Untuk makluman semua, sepanjang tahun 2014, Majlis telah mengambil kakitangan baru seramai 1274 orang bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Majlis kepada orang ramai.

PENGAMBILAN KAKITANGAN TAHUN 2014

KUMPULAN	BILANGAN
Pengurusan & Profesional (P&P)	4
Sokongan 1	68
Sokongan 2	1202

Untuk makluman semua, MPSP telah mengambil alih 100% kerja-kerja pelupusan sampah dan pembersihan am di seluruh Seberang Perai mulai 1 Julai 2014. Sejumlah 2469 pekerja awam diperlukan untuk maksud tersebut. Selain itu, terdapat penambahan peralatan seperti lori kompaktor, tong sampah, lori tipper, road sweeper dan lain-lain. Kerajaan Negeri telah menyalurkan dana kepada MPSP sebanyak RM 55.6 juta pada tahun 2014 bagi tujuan pembersihan bersepadu.

Perbelanjaan sebenar untuk pembersihan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM 66.93 juta. Manakala bagi tahun 2014 MPSP telah memperuntukkan sebanyak RM74,121,000. Dimana peningkatan bajet

sebanyak RM8,949,000 (13.73%) bagi memenuhi ekspektasi rakyat yang tinggi dan menjaga kualiti perkhidmatan pembersihan oleh Majlis.

Di samping itu, bagi kerja-kerja di 29 buah pasar awam dan 65 buah kompleks makanan, MPSP telah mengambil 150 pekerja awam bagi memastikan kerja-kerja pembersihan berjalan lancar.

Kapasiti Building

- Majlis juga menyediakan kursus / latihan / bengkel untuk memperkasakan pengetahuan dan kemahiran kakitangan MPSP. Sehingga Oktober 2014, 85% daripada jumlah kakitangan MPSP telah hadir tujuh hari kursus. Pada tahun 2014, Sebanyak 14 program / bengkel / seminar / conference / lawatan ke luar negara telah diadakan dengan jayanya dan dihadiri seramai 15 orang pegawai MPSP.

Disiplin / Tatatertib

Kami di pihak pengurusan amat mengutamakan disiplin dan integriti dalam menjalankan tugas .Saya mengharapkan semua ketua jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap setiap kakitangan yang dikenakan tindakan tatatertib oleh Pihak Berkuasa Tatatertib.

- Amaran: 2 orang
- Buang Kerja: 15 orang
- Penamatan Kontrak: 92 orang
- Turun gaji: 3 orang
- Denda: 1 orang
- Lucut hak emolumen:1 orang
- Tangguh pergerakan gaji: 6 orang

Projek LA 21

Satu pasukan iaitu Unit Eko-Komuniti telah ditubuhkan untuk memantau dan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pemeliharaan alam sekitar. Diantara program yang dilaksanakan adalah:

- Anugerah Sekolah Hijau
 - | Tahun 2010: 30 sekolah
 - | Tahun 2011: 36 sekolah
 - | Tahun 2012: 53 sekolah
 - | Tahun 2013: 86 sekolah
 - | Tahun 2014: 106 sekolah
- Anugerah Komuniti Mampan
 - | Tahun 2013: 10 buah komuniti

} Tahun 2014 : 14 buah komuniti

- Pertandingan Taman Bersih MPSP 2014: Setiap parlimen diwakili oleh satu taman untuk Pertandingan Taman Bersih MPSP. Terdapat 7 taman yang mewakili 7 parlimen.
- Kempen Makan Sampai Habis: MPSP telah melancarkan kempen ini pada 21 Mei 2014 di SMK Convent Bukit Mertajam.
- Gotong-royong: Sebanyak 400 aktiviti gotong-royong diadakan sehingga November 2014
- Projek Komposter Aerob telah dilancarkan di SPU pada 29 November 2014 oleh YB Tuan Phee Boon Poh di Taman Lucky. Manakala, bagi daerah SPS, ia telah dilancarkan pada 7 Disember 2014 oleh YB Dato' Mansor bin Hj Othman di Padang Taman Berjaya. Bagi daerah SPT, pelancaran dirancangkan pada 14 Disember 2014 di Dewan Taman Impian Indah oleh YB Tuan Lee Khai Loon.

Hasil daripada kesemua aktiviti dijalankan, kadar kitar semula yang dicapai sehingga Oktober 2014 adalah 33.69% iaitu bersamaan dengan 185,489.85 tan.

Di sini saya juga ingin memaklumkan bahawa jumlah sisa yang dilupuskan di Tapak Pelupusan Ampang Jajar dan Tapak Pelupusan

Pulau Burung bermula pada bulan Januari – Oktober 2014 adalah sebanyak 364,690.81 tan (melibatkan perbelanjaan untuk tipping fees berjumlah RM7,366,754.36). Justeru, marilah kita amalkan 4R iaitu Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle bagi mengelak pembuangan sampah di tapak pelupusan.

Projek Pembangunan

MPSP juga melaksanakan pelbagai projek pembangunan. Di antara projek – projek yang dilaksanakan adalah:

- | Projek Parit: 10 projek melibatkan kos sebanyak RM 15,865,718.72
- | Projek Naiktaraf Pasar Awam dan Kompleks Makanan: Sebanyak 6 projek naiktaraf dan pembaikan melibatkan kos sebanyak RM 1,598,582.00
- | Menaiktaraf Kawasan Perindustrian Berintegrasi Sediada (Termasuk Industri Halal): Sebanyak 9 projek dengan kos sebanyak RM 13,833,277.12
- | Projek Bandar Selamat (Pemasangan CCTV) melibatkan RM 9,845,255.00 sebanyak 56 unit
- | Projek Pembinaan Depoh Sampah: Sebanyak 6 projek melibatkan kos sebanyak RM1,070,756.00

- | Pembaikan dewan: Sebanyak 22 pembaikan dewan melibatkan kos sebanyak RM 551,476.50

Bagi meningkatkan aktiviti pelancongan di Seberang Perai, MPSP telah menerbitkan:

- | Seberang Perai Tourist Map Edisi Pertama dan Edisi Kedua
- | Seberang Perai Heritage Map
- | Seberang Perai Coffee Table Book
- | Pengisahan Seberang Perai Story

Disamping itu, MPSP turut melaksanakan aktiviti kecergasan untuk mempromosikan Seberang Perai melalui:

- | Laluan basikal
- | Penang Run 2014/2015
- | CFAL (Campaign For A Lane)
- | Futsal
- | Tenpin Boling
- | Boling Padang
- | Badminton
- | Bola Jaring

MENGANTARABANGSAKAN MPSP

Dalam usaha meningkatkan lagi imej di peringkat antarabangsa, MPSP akan Pada 28 Oktober hingga 1 November 2014, Dato' Maimunah Mohd Sharif telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja di *3rd Asia Smart City Conference* di Yokohama, Jepun. Selain itu, beliau juga dijemput untuk membentangkan kertas kerja di *Yokohama City University*. Kertas kerja adalah berkaitan usaha-usaha dan program Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) ke arah bandar mampan. Beliau juga telah dijemput dan diberi penghormatan oleh "*Ministry Of Foreign Affairs, Japan*" untuk ucapan pembukaan dan seterusnya menjadi salah seorang daripada panel perbincangan mewakili Malaysia dalam *3rd East Asia Low Carbon Growth Partnership Dialogue*. MPSP juga telah dijemput oleh pengurusan tertinggi *City Of Yokohama* untuk berbincang dengan lebih lanjut tentang jalinan persahabatan atau *Friendship City* bersama *Vice Mayor Of City Of Yokohama, Japan* pada 29 Oktober 2014. Kedua-dua bandar telah bersepakat dan bersetuju untuk menandatangani *Memorandum Of Understanding (MOU)* khususnya dalam bidang *Urban Design* dan *Urban Planning* serta *Capacity Building*. *MOU* dijangka ditandatangani dalam masa terdekat atau pada awal tahun 2015.

MPSP juga telah dijemput untuk menghadiri *World E-Government General Assembly (WeGO)* pada 3-7 November 2014 di Chengdu, China. MPSP telah diwakili oleh Sr Tuan Haji Rozali Bin Haji Mohamud. Beliau telah dijemput untuk membentangkan inisiatif ICT di MPSP untuk dikongsi bersama dipersidangan Datuk Bandar mengenai "*Smart Monitoring System*" dan juga menjadi panel dalam perbincangan hala tuju kerajaan berelektronik.

Selain itu, MPSP juga telah dipilih oleh *Gadaref State, Sudan* dalam "*Match- Making Programme*" untuk berbincang berkenaan inisiatif ICT dan "*Capacity Building*" serta jalinan kerjasama di masa hadapan. *Syarikat Korea Smart Card Co. Ltd* juga memilih MPSP untuk memperkenalkan pembangunan ICT yang berdasarkan sistem kad pintar.

- Perbincangan dengan City Of Yokohama mengenai cadangan Friendship City juga telah berjaya diadakan pada bulan Oktober 2014 dan mendapat persetujuan ke dua-dua pihak.
- Menerima kunjungan daripada luar negara iaitu Youth Exchange Programme antara MPSP dan Bandar Metropolitan Gwangju pada 26 hingga 30 Ogos 2014, Kunjungan daripada Pegawai daripada City Of Yokohama dan Yokohama Clty University untuk perbincangan mengenai Friendship City Programme.

- Selepas enam bulan menjadi Ahli International Council for Local Environment Inisiatif (Iclei). Saya telah dilantik sebagai salah seorang daripada tiga Iclei Regional Executive Committee (RexCom). Saya juga telah dicalonkan untuk menjadikan Iclei Global Executive Committee (GexCom).

Untuk makluman semua, pembentangan yang telah dibuat oleh MPSP adalah seperti berikut:

- | Membentangkan kertas kerja di *Big Data Cities Summit* pada 15 hingga 18 April 2014 di Singapura
- | Membentangkan kertas kerja di *4th Human Right Cities Forum 2014* di Bandar Metropolitan Gwangju, Republik Korea pada 15 hingga 18 Mei 2014
- | Membentangkan kertas kerja di *Roundtable Discussion* semasa *GEF (Global Environment Facility)* seminar pada 28 hingga 29 Mei 2014 di Cancun, Mexico
- | Health and Wellness Tourism Summit of Leaders, 1 Julai 2014 - 4 Julai 2014 - Best City and Best City Manager di Stresa, Italy.
- | Strengthening GB (Gender Budgeting) Initiatives : Experiences from China and Abroad, pada 15 September 2014 - 16 September 2014, di Shanghai China

- } 3rd Asian Smart City pada 29 Oktober 2014 – 31 Oktober 2014 di Yokohama, Jepun

Program Antarabangsa Akan Datang

Perancangan Tahun 2015

- Friendship City dengan Bandar Yokohama, Jepun akan ditandatangani pada tahun 2015
- MPSP akan menyambung semula sister city bersama Fremantle, Australia dengan program-program tertentu
- MPSP akan menerima kunjungan daripada Bandar Metropolitan Gwangju, Korea seramai 9 orang pegawai pada 11, 12 dan 13 Mac 2015
- Youth Exchange Programme 2015 di mana penglibatan pelajar Sekolah Menengah Tun Syed Sheh Shahabudin seramai 8 orang ke Bandar Metropolitan Gwangju, Korea
- Penghantaran pegawai kumpulan A untuk berkursus selama sebulan di Washington D.C, Amerika Syarikat. Terdapat 4 pencalonan daripada MPSP dan hanya 3 orang pegawai yang akan terpilih ke Amerika Syarikat. Pegawai akan melalui proses temuduga dan sekiranya terpilih mereka akan ditaja sepenuhnya dari segi penginapan, kapal terbang, makan dan minum, visa dan wang saku.

Pencapaian MPSP Dalam Tahun 2014

- | **Sijil Bandar Mampan** disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak dan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan JPBD, Tn Hj Zainuddin Ahamad pada 11 November 2014.
- | Penganugerahan dalam **Sistem Pemantauan Pintar (SPP)**. Disenarai pendek bagi Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) pada 20 Mei 2014 . SPP adalah di antara tujuh (7) agensi daripada 124 keseluruhan pencalonan. Sijil penghargaan bagi tujuh (7) finalis yang lain termasuk MPSP diberikan semasa Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) 2014 yang berlangsung pada 9 Oktober 2014 di One City Subang, USJ 23 Shah Alam. Sijil disampaikan oleh YBhg Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara.
- | Tahniah kepada kumpulan KIK MPSP yang telah mendapat tempat kedua bagi kategori **Pengurusan dan Kategori Teknikal** serta **Persembahan Terbaik semasa Konvensyen KIK peringkat negeri** yang diadakan pada 16 Oktober 2014.

- | Pada 12 September 2014, Dato' Maimunah Mohd Sharif telah dianugerahkan "***Best Planner Of The Year 2014***" oleh ***Malaysian Institute Of Planners (MIP)***. Anugerah ini disampaikan oleh Mantan Perdana Menteri, YABhg Tun Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi.

- | Pada 20 November 2014 yang lalu, MPSP telah diberi pengiktirafan dan penghargaan oleh Penang Green Council (PGC) atas inisiatif **program Kebun Kejiranaan dan Pengkomposan**. Penyampaian sijil penghargaan telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang di Dewan Sekolah Han Chiang, Pulau Pinang.

- | MPSP telah berjaya dipersijilkan untuk Persijilan **ISO 50001:2011, ‘Energy and Management System’ (EnMS)**. MPSP merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama di Malaysia yang berjaya memperoleh persijilan ini.
 - Tarikh Pensijilan: 15 Ogos 2014

 - Tempoh Pensijilan: 15 Ogos 2014 – 14 Ogos 2017
(3 tahun)

Objektif sasaran pengurangan penggunaan tenaga sebanyak 3% tidak akan tercapai.

- | Tahniah kepada Jabatan Pelesenan, MPSP telah mendapat tiga anugerah (satu tempat ketiga dan dua saguhati) bagi kategori tandas awam milik PBT dalam **Pertandingan Tandas Bersih Negeri Pulau Pinang** bersempena Sambutan Hari Tandas Sedunia telah diadakan pada 19 November 2014 bertempat di Sunway Carnival Convention Centre, Seberang Jaya.
- | MPSP telah disyorkan untuk **persijilan 5S** oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) semasa Audit Pematuhan 5S yang diadakan pada 3 Disember 2014 yang lalu setelah berusaha sejak tahun 2004. Justeru saya mohon semua kakitangan supaya mengamalkan 5S secara berterusan dan dapat *sustain* budaya ini. Tahniah kepada semua.

Sehingga kini MPSP telah mendapat pensijilan bagi ISO 9001:2008, EMS 14001:2004 ,OHSAS 18001:2007 dan ISO 50001:2011(EnMS). Pencapaian ini perlulah dikekalkan dan dibuat penambahbaikan dari masa ke semasa.

- | Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang Sempena Hari Jadi Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Seramai 25 orang daripada MPSP telah mendapat pingat semasa Majlis Pengurniaan Pingat Sempena Hari Jadi Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang iaitu Yang Dipertua MPSP telah dikurniakan Pingat Darjah Setia Pangkuhan Negeri (D.S.P.N) yang membawa gelaran Dato'. Seorang Ahli Majlis telah menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) iaitu En Ahmad Kaswan Bin Kassim. Manakala selebihnya berjumlah 23 orang adalah kakitangan MPSP dimana seorang menerima anugerah Pingat Kelakuan Terpuji (PKT), enam orang menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dan empat belas orang menerima Pingat Jasa Masyarakat.

Perancangan tahun 2015

Hasil daripada Dialog Bajet 2015 bersama dengan Stakeholder pada 31 Mei 2014, input yang diterima untuk penyediaan bajet bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

- | Kebersihan - 97%
- | Keselamatan dan Lalulintas - 90%
- | Infrastruktur dan Kemudahan Awam - 78%
- | Kawalan Banjir - 66%
- | Penguatkuasa Undang-undang - 65%

Justeru, peruntukan bajet 2015 bagi perbelanjaan adalah berjumlah RM243.84 juta berbanding pendapatan sebanyak RM213.39 juta. Ini bermakna pada tahun 2015 bajet defisit berjumlah RM30.45 juta.

- Target hasil MPSP pada akhir tahun – RM206 juta

Saranan / harapan kepada kakitangan bagi penjimatan &

tingkatkan hasil serta pencapaian target

- Kurangkan perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bukan keperluan mendesak
- Tingkatkan hasil jabatan melalui pemikiran inovatif dan cara kreatif
- Penjimatan perbelanjaan melalui amalan berhemah
- Tingkatkan pencapaian jabatan melalui pemantauan kualiti kerja di tapak

Jenis perbelanjaan ketara yang memberi impak kepada kewangan dan boleh dikawal

- Kurangkan penggunaan petrol melalui konsep “car pool” antara jabatan yang berlainan semasa menghadiri mesyuarat, seminar, lawatan tapak dan lain-lain
- Penjimatan utiliti melalui amalan berhemah seperti tutupkan suis elektrik dan air apabila tidak digunakan serta pemantauan penggunaan utiliti di kompleks makanan dan pasar awam

- Prestasi Tunggakan Cukai Taksiran semakin menurun dari tahun ke tahun:

Tahun 2007: RM 47.87 juta

Tahun 2008: RM 48.37 juta

Tahun 2009: RM 45. 92 juta

Tahun 2010: RM42.62 juta

Tahun 2011: RM 34.32 juta

Tahun 2012: RM 27.43 juta

Tahun 2013: RM 21.85 juta

Pelaksanaan Kadar Tahunan Baru Cukai Taksiran Berkuatkuasa

Mulai 1 Januari 2015

Untuk makluman, Senarai Nilaian yang digunakan oleh MPSP telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2005 dan sepatutnya telah tamat tempoh sah lakunya pada 30 Jun 2010 (5 tahun). Berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 137(3) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

“Senarai Nilaian baru hendaklah disediakan dan disiapkan sekali tiap - tiap lima tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.”

Sejak tahun 2010, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah beberapa kali

menangguhkan pelaksanaan Senarai Nilaian Baru demi kepentingan rakyat. Walaupun menghadapi cabaran pengurusan kewangan yang sukar, MPSP tetap berusaha dengan gigih untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang & memuaskan hati semua pihak di Negeri ini.

Sehubungan itu, bagi membantu MPSP merealisasikan keperluan dan kehendak rakyat dalam memberi perkhidmatan yang lebih baik dan juga memastikan perkhidmatan MPSP tidak terjejas, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju untuk meminda Kadar Tahunan Baru Cukai Taksiran berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015.

Dengan kenaikan peratusan kadaran untuk cukai taksiran maka rakyat berharap untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik. YAB Ketua Menteri dan YB Chow juga sering menyatakan bahawa “Seberang Perai adalah merupakan masa depan untuk Negeri Pulau Pinang.”

Antara perancangan pada tahun 2015 oleh Kerajaan Negeri adalah melaksanakan *Waste Generator Pay* dan *Segregation At Source*. Oleh itu, saya berharap kita dapat bersama-sama berganding bahu bagi menjayakan hasrat Kerajaan Negeri.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.